



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### PENGUMUMAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MENGENAI TAMBANG PERCUMA PERKHIDMATAN PRASARANA OKU

Bagi pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengangkutan di atas pelancaran Projek Rintis Koc Wanita MRT Laluan Kajang pada hari ini. Inisiatif seperti ini amat bermakna dalam usaha mengurangkan risiko gangguan seksual terhadap wanita semasa menggunakan pengangkutan awam bagi memberi lebih keyakinan dan rasa selamat dikalangan penumpang wanita. Ini juga selaras dengan fokus Kerajaan untuk menyediakan ekosistem yang terbaik dalam meningkatkan penyertaan wanita ke dalam pasaran buruh tempatan.

Dalam pada masa yang sama, saya dan KPWKM turut mengalu-alukan pengumuman oleh YB Tuan Anthony Loke di majlis yang sama iaitu penumpang Orang Kurang Upaya (OKU) akan dapat menggunakan semua perkhidmatan pengangkutan awam di bawah kendalian Prasarana Malaysia Berhad (Prasana) secara percuma, iaitu bagi perkhidmatan MRT, LRT, Monorel dan Bas Rapid di kawasan Lembah Klang.

Ini adalah selaras dengan hasil perbincangan antara saya dan YB Menteri Pengangkutan pada awal tahun ini (Januari 2023) yang pada ketika itu telah memaklumkan persetujuan secara prinsip terhadap cadangan ini dan akan mencari mekanisme yang bersesuaian untuk melaksanakannya.

Terima kasih dan syabas diucapkan kepada YB Menteri Pengangkutan dan Kementeriannya serta Prasarana di atas insentif tambang percuma kepada penumpang OKU, yang merupakan salah satu kumpulan sasaran KPWKM. Inisiatif ini membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan hari ini adalah kerajaan yang cakna dan prihatin terhadap kebajikan rakyat.

Inisiatif yang amat bermakna ini boleh membuka lebih banyak peluang dan memudahkan aksesibiliti untuk komuniti OKU dan tentu sekali menyokong usaha Kerajaan yang dilaksanakan oleh KPWKM dalam pembangunan masyarakat yang lebih inklusif di Malaysia demi pengukuhan kesejahteraan sosial rakyat.

**DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**21 DIS 2023**